



GARIS PANDUAN LESEN ANJING

1. Bagi individu yang ingin mempunyai, memelihara, menyimpan atau melindungi seseekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan perlu mengemukakan permohonan lesen beserta dengan sijil pengesahan atau dokumen pengenalan diri (*pet passport*) daripada doktor veterinar dan dokumen berkaitan;
 - 1.1. Borang Permohonan Lesen Haiwan Belaan MPJ – PERCUMA;
 - 1.2. Bayaran proses : RM10.00
2. Pemunya anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar yang sesuai untuk dipasang lencana dan dipakai oleh anjing pada setiap masa.
3. Segala urusan pindahmilik lesen dan pertukaran pemunya anjing berlesen perlu mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Jasin terlebih dahulu. Fi pertukaran pemunyaan anjing berlesen adalah RM50.00.
4. Apa-apa fi yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.
5. Pelesen adalah dilarang menyewakan lesen/menyerahkan lesen yang telah diluluskan kepada orang lain. Tindakan akan dikenakan di bawah Akta 133, Seksyen 117(5).
6. Majlis boleh dalam budi bicaranya jika difikirkan wajar, mengeluarkan sesuatu lesen untuk tempoh satu (1) hingga tiga (3) tahun (Akta 171, Seksyen 107(4))
7. Lesen boleh dibatalkan sekiranya pelesen gagal mematuhi mana-mana syarat lesen yang diperuntukkan.
8. Jika apa-apa lesen yang telah diberikan hilang, cacat atau rosak, salinan lesen boleh diperolehi dengan bayaran fi sebanyak RM20.00.
9. Lokasi/ tempat dan bilangan anjing pemeliharaan yang **dibenarkan sahaja**:
 - 9.1. Rumah teres/ link lot tepi sahaja –
1 ekor anjing dengan syarat mendapat persetujuan daripada jiran kiri dan/ atau kanan.
 - 9.2. Rumah kembar –
2 ekor anjing dengan syarat mendapat persetujuan daripada jiran.
 - 9.3. Rumah banglo –
3 ekor anjing
 - 9.4. Kebun/ ladang pertanian –
5 hektar : 3 ekor anjing
6 – 10 hektar : 5 ekor anjing
Tiap-tiap tambahan 5 hektar : 1 ekor anjing
 - 9.5. Kilang/ perindustrian – 1 ekor anjing
 - 9.6. Lain-lain premis/ bangunan/ tempat seumpamanya – Tertakluk kepada kelulusan Majlis

10. Dilarang pemeliharaan anjing di bangunan bertingkat.

11. Dilarang permohonan lesen anjing berikut:

- 11.1. *American Bulldog;*
- 11.2. *Akita;*
- 11.3. *Perro De Pastro Mallorquin;*
- 11.4. *Canary dog;*
- 11.5. *Kai dog;*
- 11.6. *Fila Brasileiro;*
- 11.7. *Russo-Europaen Laika;*
- 11.8. *Tibetan Mastiff;*
- 11.9. *Dogo Argentino;*
- 11.10. *Tosa Inu/ Japanese Tosa;*
- 11.11. *Owtcharka;*
- 11.12. *American Statordshire Rerrier;*
- 11.13. *Staffoerdshine Bull Terrier;*
- 11.14. *Neopolitan Mastiff.*

12. Senarai anjing berikut merupakan anjing yang dikawal dan kelulusan hanya dapat diberikan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka:

- 12.1. *Dogue De Bordeaux;*
- 12.2. *Tervuren;*
- 12.3. *Rottweller;*
- 12.4. *Miniature Malamute;*
- 12.5. *Groenendael;*
- 12.6. *Alaskan Malamute;*
- 12.7. *Rafeiro Alentejo;*
- 12.8. *Estrela Mountain dog;*
- 12.9. *German Shepherd dog;*
- 12.10. Malinois

13. Pemunya anjing hendaklah memastikan anjing dan tempat tinggal anjing sentiasa disenggara dalam keadaan bersih. Pembuangan najis hendaklah mengikut cara atau kaedah yang tidak mendatangkan kacauanggu atau mencemarkan persekitaran.

14. Pemunya anjing hendaklah memastikan memberi perlindungan yang baik, diberi makan, disenggara dengan sempurna dan tidak berlaku apa-apa penganiayaan.

LESEN ANJING

15. Pemunya anjing berlesen adalah bertanggungjawab ke atas kesihatan anjingnya. Sekiranya didapati anjingnya berpenyakit, hendaklah segera diperiksa dan dirawat oleh doktor veterinar. Anjing yang berpenyakit tidak dibenarkan berada dalam premis pemunya.
16. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit anjing gila (*Hydrofobia*) oleh Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau mana-mana doktor veterinar.
17. Dilarang menyebabkan kacauganggu seperti salakan tidak berhenti-henti atau membuang najis atau kencing di tempat awam.
18. Hendaklah memastikan anjing berlesen yang apabila dibawa keluar dari premis sentiasa di bawah kawalan samada diikat atau dirantai setiap masa. Hendaklah memastikan anjing itu tidak berkeliaran di luar premisnya.
19. Pemunya hendaklah bertanggungjawab termasuk pembayaran ganti rugi sekiranya anjing berlesennya mengejar, menyerang atau menggigit orang awam samada mendatangkan kecederaan atau tidak.
20. Majlis boleh mengambil tindakan termasuk mengarahkan anjing berlesen itu ditangkap dan dilupuskan sekiranya didapati anjing itu merbahaya dan tiada pampasan boleh dituntut.
21. Majlis boleh menangkap mana-mana anjing samada berlesen atau tidak yang didapati berkeliaran di tempat awam dan ditahan sehingga pemunya menuntut dan membayar fi tahanan sebanyak RM30.00 sehari. Sekiranya tiada tuntutan atau pemunya enggan membayar selepas 7 hari anjing tersebut boleh dijual atau dilupuskan. Caj akan dikenakan sebanyak RM500.
22. Pelesen hendaklah mematuhi apa-apa syarat lesen yang dikenakan oleh Majlis dan pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Undang-undang berkaitan atau syarat-syarat lesen adalah satu kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan undang-undang kecil yang berkaitan:

- Undang-Undang Kecil pelesenan anjing dan rumah pembiakan (MPJ) 2013

Fi berkaitan pemeliharaan seseekor anjing:

Fi Lesen anjing	:	RM50.00 setahun/ seekor
Fi lesen anjing (dimandulkan)	:	RM10.00 setahun/ seekor
Fi rumah pembiakan	:	RM300.00 setahun
Fi pertukaran pemunya	:	RM50.00
Fi gantian lesen	:	RM20.00

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN LESEN ANJING

